نواقض الإسلام

كارڠن :

شَيْخُ الإِسْلاَمِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الوَهَّابِ النَّجْدِيُّ

ترجماهن كڤد بهاس ملايو أوله :

أَحْمَد عَقِيْل أَكْبَر بْنُ زَيْد

دار اهل الاثر

(MUQADDIMAH)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kitab kecil yang berada di hadapan anda ini berjudul *Nawāqiḍ al-Islām* (Perkara-perkara yang Membatalkan Islam), karya al-Imām al-Mujaddid Syaikh Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb ﵀, seorang ulama besar yang terkenal dengan usaha gigih beliau dalam mengajak umat kembali kepada tauhid yang murni, menyeru kepada sunnah, dan memerangi segala bentuk syirik, khurafat dan bidaah.

Walaupun ringkas dan kecil, namun kitab ini menyentuh inti asas yang amat penting dalam kehidupan seorang Muslim, iaitu perkara-perkara yang boleh merosakkan aqidah dan membatalkan Islam seseorang. Ia adalah satu peringatan yang keras tetapi penuh kasih sayang kepada umat Islam agar

tidak tergelincir daripada landasan tauhid yang sebenar.

Segelintir umat Islam pada era 1700-an di tanah Arab berada dalam kelalaian yang amat dahsyat. Mereka menyangka diri mereka masih berada dalam lingkungan Islam, sedangkan mereka secara tidak sedar, terjerumus ke dalam perbuatan-perbuatan yang terang-terang membatalkan Islam, sama ada dari segi perkataan, keyakinan mahupun perbuatan. Inilah yang mendorong penulis asal – رَحِمَهُ ٱللَّهُ – untuk menyenaraikan dan menghuraikan sepuluh perkara utama yang membatalkan Islam berdasarkan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebagai penterjemah, saya berusaha mengekalkan ketepatan makna asal teks Arab, dengan gaya bahasa yang mudah difahami oleh para pembaca berbahasa Melayu. Terjemahan ini turut disertakan dengan nota kaki ringkas di tempat-tempat yang perlu, bagi menjelaskan maksud atau latar belakang teks asal yang mungkin kurang jelas bagi sesetengah pembaca.

Saya juga menyedari bahawa sebahagian kandungan kitab ini mungkin terasa agak tegas atau berat bagi sesetengah pihak, khususnya dalam konteks masyarakat yang terbiasa dengan pelbagai amalan bercanggah dengan ajaran tauhid yang sebenar. Namun saya memohon kepada Allah ﷻ agar pembaca membuka hati dan fikiran untuk meneliti kandungan ini dengan sikap ilmiah dan objektif, tanpa didorong oleh sentimen atau kepentingan tertentu.

Kitab ini bukan ditujukan untuk menghukum sesama Muslim secara tergesa-gesa, tetapi sebagai panduan untuk menyelamatkan diri dan umat daripada jurang kehancuran akidah. Ketegasan dalam menyatakan kebenaran bukan bererti kebencian, bahkan ia adalah tanda kasih terhadap umat agar mereka tidak terpedaya dengan bisikan syaitan dan hawa nafsu.

Akhir kata, saya memohon kepada Allah ﷻ agar menjadikan usaha kecil ini sebagai amal jariah yang diterima di sisi-Nya. Semoga kitab ini menjadi sebab terbukanya pintu hidayah kepada sesiapa yang membacanya dengan ikhlas, dan semoga Allah mengurniakan kepada kita semua kefahaman dalam agama, serta istiqamah di atas jalan tauhid sehingga bertemu-Nya dalam keadaan Dia redha kepada kita.

وَآخِرُ دَعْوَانَا أَنِ الْـحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang benar,
Ahmad Aqil Akbar bin Zaid.

(SANAD SAYA UNTUK KITAB INI)

Ilmu ini adalah agama, dan agama ini tidak akan sampai kepada kita hari ini melainkan melalui para pewaris nabi yang menyambung rantaian emas ilmu dan hidayah, dari generasi ke generasi, dari dada ke dada, dari hati ke hati. Dalam dunia ilmu Islam, sanad bukan sekadar tradisi, tetapi tanda keberkatan, amanah, dan kesinambungan cahaya wahyu yang dipikul dengan penuh tanggungjawab.

Nawāqiḍ al-Islām yang kini berada di tangan anda, walaupun ringkas pada bentuknya, namun berat nilai ilmunya. Ia bukan sekadar bacaan ilmiah, tetapi suatu risalah peringatan yang diwariskan oleh seorang mujaddid yang menghidupkan kembali semangat tauhid pada zaman al-Imām al-Mujaddid Syaikh Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb al-Najdī رحمه الله.

Adalah menjadi satu penghormatan bagi saya untuk menyatakan bahawa saya meriwayatkan kitab ini dengan sanad yang bersambung hingga kepada pengarangnya. Walaupun saya memiliki empat sanad berbeza untuk kitab ini, namun cukuplah saya menyebut salah satu daripadanya sebagai mewakili kesinambungan rantaian tersebut.

Saya meriwayatkan *Nawāqiḍ al-Islām* dengan ijazah ‘āmmah daripada al-Syaikh Muḥammad Muṭī‘ al-Ḥāfiẓ melalui perantaraan tidak langsung daripada guru saya yang mulia, al-Faḍīl Ustaz Amirul Ridzwan bin Rusyaidi.

Sanad ini menyambung kepada al-Syaikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī, dari al-Syaikh ‘Umar bin Ḥamdān, dari al-Syaikh Aḥmad bin Ibrāhīm al-Najdī, dari al-Syaikh ‘Abd al-Raḥmān bin Ḥasan bin Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb rahimahullāh, dari datuknya, merangkap *pengarang kitab ini*, al-Imām Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb al-Najdī.

BIOGRAFI RINGKAS SYEIKH MUHAMMAD BIN ‘ABDUL WAHHAB (1115H – 1206H)

Syeikh al-Islam Muhammad bin ‘Abdul Wahhab bin Sulaiman bin ‘Ali bin Muhammad bin Ahmad, al-Tamimi al-Hanbali, merupakan seorang mujaddid dan ulama besar yang memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan semula akidah tauhid dalam masyarakat Islam pada abad ke-12 Hijrah. Beliau dilahirkan pada tahun 1115H (bersamaan 1703M) di kampung ‘Uyainah, sebuah kawasan di wilayah Najd, Semenanjung Arab.

Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga ilmiah; bapanya, Syeikh ‘Abdul Wahhab bin Sulaiman, adalah seorang qadi (hakim) dan faqih mazhab Hanbali yang dihormati. Sejak kecil, Muhammad bin ‘Abdul Wahhab sudah menunjukkan minat mendalam terhadap ilmu syarak, khususnya dalam bidang tauhid, hadis dan fiqh. Beliau menghafal al-Qur’an pada usia muda, dan menguasai teks-teks utama dalam mazhab Hanbali serta karya-karya aqidah salaf.

Setelah menimba ilmu di sisi bapanya di Najd, Syeikh Muhammad mula merantau ke pelbagai tempat bagi meluaskan penguasaannya terhadap ilmu-ilmu Islam. Di antara tempat penting yang dilawatinya ialah:

Di Haramain, beliau belajar daripada ramai ulama besar, termasuk Syeikh ‘Abdullah bin Ibrahim al-Najdi dan para murid kepada Syeikh Muhammad Hayyat al-Sindhi. Di Madinah, beliau mendalami ilmu hadis dan manhaj salaf.

Setibanya beliau di Dir‘iyyah, beliau mendapat perlindungan daripada pemerintahnya, Amir Muhammad bin Su‘ud. Perikatan antara ulama dan umara’ ini menjadi titik tolak kepada penyebaran dakwah tauhid yang menekankan kembali kepada manhaj salaf dalam akidah, ibadah, dan muamalah. Dakwah ini berdepan dengan tentangan hebat daripada pihak-pihak yang berkepentingan, namun tetap tersebar luas dan memberi impak besar kepada sejarah Islam di Jazirah Arab dan dunia Islam amnya.

Beliau mengarang pelbagai karya yang ringkas tetapi padat dan bersumberkan dalil, antaranya:

Kitab al-Tauhid, *Kasyf al-Shubuhat, Thalathat al-Usul, Nawaqid al-Islam*

Karya-karya ini terus dipelajari dan diajarkan di pelbagai institusi ilmu sehingga ke hari ini.

Syeikh Muhammad bin ‘Abdul Wahhab wafat pada tahun 1206H (bersamaan 1792M) di Dir‘iyyah, dalam usia 91 tahun. Jenazahnya dikebumikan di kawasan yang kini dikenali sebagai Riyadh, Arab Saudi. Beliau meninggalkan warisan dakwah dan ilmu yang sangat besar, dan terus menjadi rujukan utama dalam bidang akidah dan tajdid hingga ke hari ini.

Semoga Allah merahmati beliau dan membalas jasanya terhadap umat ini dengan sebaik-baik ganjaran.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Ketahuilah, bahawa pembatal-pembatal keislaman itu ada sepuluh ;

Pertama : Syirik dalam beribadah pada Allah ﷻ yang Esa, tiada sekutu bagiNya.

Allah ﷻ berfirman :

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ٤٨ ﴾

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar."

[Surah an-Nisā', ayat 48]

Dan juga Allah ﷻ berfirman :

﴿ إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ٧٢ ﴾

"...Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim."

[Surah al-Mā'idah, ayat 72]

Dan (contoh) daripadanya (adalah) menyembelih (binatang) untuk selain daripada Allah ﷻ , seperti menyembelih (binatang) untuk jin ataupun kubur.

Kedua : Barangsiapa yang menjadikan antara dirinya dengan Allah ﷻ ada perantara (untuk ibadahnya sampai kepada Allah ﷻ), mereka berdoa kepada mereka (orang yang dijadikan perantara), meminta kepada mereka syafa'at, dan bertawakal (berserah) kepada mereka, mereka kufur secara ijma'.

Ketiga : Barangsiapa yang tidak mengkafirkan orang musyrik, atau ragu-ragu tentang kekufuran mereka, atau mensahihkan (membenarkan) mazhab (kekufuran) mereka, mereka kufur secara ijma'.

Keempat : Barangsiapa yang beriktikad bahawasanya ada petunjuk yang lebih sempurna dari petunjuk (yang dibawa) Nabi Muhammad ﷺ, ataupun bahawasanya (mereka beriktikad yang) hukum (ketetapan) lain lebih sempurna dari hukum (ketetapan yang dibawa) Nabi, seperti mereka-mereka yang mengutamakan hukum taghut (orang-orang zalim) atas hukumnya, maka dia kafir.

Kelima : Barangsiapa yang marah / tidak suka dengan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ , walaupun beramal dengannya, maka dia kufur.

Keenam : Barangsiapa yang mempersenda (menjadikan gurau senda dan jenaka) dengan sesuatu dari agama Allah ﷻ, atau ganjaranNya, atau azabNya, dia kufur. Dan dalilnya, adalah firman Allah ﷻ :

﴿ ...قُلْ أَبِاللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾ لَا تَعْتَذِرُوا۟ قَدْ كَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ.. ﴾

"Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya? (65) Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman..."

[Surah at-Tawbah, ayat 65-66]

Ketujuh : Sihir, dan (contoh) daripadanya ialah (sihir) pemisah dan (sihir) pengasih, dan barangsiapa yang melakukannya, atau meredainya, maka dia kufur. Dan dalilnya adalah firman Allah :

﴿ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَآ إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ﴾

"...sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)"..."

[Surah al-Baqarah, ayat 102]

Kelapan : Menolong orang-orang musyrik dan membantu mereka (memerangi) orang-orang Islam. Dalilnya adalah firman Allah :

﴿... وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾﴾

"..dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu.

Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim."

[Surah al-Mā'idah, ayat 51]

Kesembilan : Barangsiapa yang meyakini bahwa sebagian manusia tidak wajib mengikuti Nabi Muhammad ﷺ dan ia boleh keluar dari syariat baginda, sebagaimana Khidhir عليه السلام keluar dari syariat Musa عليه السلام , maka ia kafir.

Kesepuluh : Berpaling dari agama Allah dengan tidak mempelajarinya atau mengamalkannya. Dalilnya firman-Nya:

﴿ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَـٰتِ رَبِّهِۦ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَآ ۚ إِنَّا مِنَ ٱلْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾ ﴾

Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingat dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian ia berpaling daripadanya (dan tetap mengingkarinya); sesungguhnya Kami tetap membalas.

[Surah as-Sajdah, ayat 22]

Tidak ada perbezaan dalam pembatal-pembatal ini antara orang yang hanya bergurau, serius, atau takut kecuali orang yang dipaksa.

Semua pembatal ini termasuk perkara besar yang perlu diwaspadai dan termasuk perkara yang sering terjadi. Wajib bagi setiap Muslim untuk mewaspadainya dan takut menimpa dirinya. Kita berlindung kepada Allah ﷻ dari mendapatkan kemurkaan-Nya dan kepedihan azab-Nya.

Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad ﷺ, keluarganya, dan para Sahabatnya رضي الله عنهم.